



MINISTRY OF COMMUNICATIONS
AND MULTIMEDIA MALAYSIA

Projek MySEAL: Kriteria Penyerahan dan Penilaian Versi 2.0 [2018]

Name of author: KUMPULAN FOKUS MySEAL

File name: CD-5-RPT-0218-Kriteria MySEAL Versi 2.0-V1a

Date of document: 08 April 2018

Document classification : Public

For inquiry about this document please contact:
Hazlin Abdul Rani
Head, Cryptography Development Department
hazlin@cybersecurity.my

For general inquiry about us or our services,
please email: info@cybersecurity.my



Prakata

Dokumen ini disediakan bagi memberi maklumat kepada khalayak umum berhubung kriteria penyerahan dan penilaian bagi pemilihan algoritma yang akan disenaraikan dalam Senarai Algoritma Kriptografi Terpercaya Negara (MySEAL) / *National Trusted Cryptographic Algorithm List*. MySEAL akan digunakan sebagai rujukan keperluan dan garis panduan bagi penggunaan algoritma kriptografi dalam semua produk kriptografi di Malaysia.

Dokumen ini mengandungi 8 bahagian. Bahagian 1 mengandungi pengenalan kepada MySEAL. Bahagian 2, Bahagian 3 dan Bahagian 4 menerangkan tentang keperluan umum, kriteria penyerahan dan kriteria penilaian bagi setiap primitif. Bahagian 5 mengandungi keperluan pelesenan bagi setiap penyerahan manakala Bahagian 6 memaparkan garis masa bagi projek ini. Bahagian 7 menerangkan tentang keperluan formal bagi penyerahan, manakala Bahagian 8 mengandungi maklumat umum yang lain berkenaan projek MySEAL.

Dokumen ini telah dibangunkan oleh ahli Kumpulan Fokus MySEAL yang terdiri daripada pakar kriptografi negara daripada universiti awam, universiti swasta dan agensi kerajaan. Sebarang pertanyaan berhubung dokumen ini boleh diajukan kepada myseal.fg@cybersecurity.my.

Penghargaan

Ribuan terima kasih diucapkan kepada organisasi / institusi berikut di atas penghasilan dokumen ini (mengikut urutan abjad): -

- a. CyberSecurity Malaysia
- b. MIMOS Berhad
- c. Universiti Kebangsaan Malaysia
- d. Universiti Malaya
- e. Universiti Malaysia Sabah
- f. Universiti Multimedia
- g. Universiti Pertahanan Nasional Malaysia
- h. Universiti Putra Malaysia
- i. Universiti Sains Islam Malaysia
- j. Universiti Sains Malaysia
- k. Universiti Teknikal Malaysia Melaka
- l. Universiti Teknologi MARA
- m. Universiti Tenaga Nasional
- n. Universiti Tunku Abdul Rahman

Kandungan

Prakata.....	2
Penghargaan.....	2
1.0 Pengenalan kepada MySEAL.....	5
2.0 Keperluan MySEAL.....	7
2.1 Kategori Primitif Kriptografi.....	7
2.2 Kelayakan Peserta.....	7
2.3 Kelayakan Algoritma Kriptografi.....	7
2.4 Kriteria Pemilihan Umum.....	7
3.0 Kriteria Penyerahan bagi Setiap Primitif.....	9
3.1 Primitif Block Cipher.....	9
3.2 Primitif Stream Cipher.....	10
3.3 Primitif Asymmetric Cryptographic.....	11
3.4 Primitif Cryptographic Hash Function.....	12
3.5 Primitif <i>Cryptographic Key Generation</i>	13
3.6 Primitif <i>Cryptographic Pseudo Random Number Generator</i>	14
4.0 Kriteria Penilaian bagi Setiap Primitif.....	16
4.1 Primitif Block Cipher.....	16
4.2 Primitif Stream Cipher.....	17
4.3 Primitif Asymmetric Cryptographic.....	17
4.4 Primitif Cryptographic Hash Function.....	18
4.5 Primitif <i>Cryptographic Key Generation</i>	19
4.6 Primitif <i>Cryptographic Pseudo Random Number Generator</i>	20
5.0 Keperluan Pelesenan.....	21
6.0 Garis Masa Projek MySEAL.....	21
7.0 Keperluan Penyerahan Formal.....	22
7.1 Pakej Penyerahan Algoritma.....	22
7.2 Arahan untuk penyerahan.....	24
8.0 Maklumat Umum.....	25
LAMPIRAN A	26
LAMPIRAN B	31
LAMPIRAN C	32
LAMPIRAN D	33
LAMPIRAN E	36

LAMPIRAN F	37
LAMPIRAN G	41
LAMPIRAN H	46
LAMPIRAN I	49

1.0 Pengenalan kepada MySEAL

Senarai Algoritma Kriptografi Terpercaya Negara (MySEAL) ialah projek untuk membangunkan portfolio algoritma kriptografi terpercaya negara. Projek ini direka khusus untuk menyediakan senarai algoritma kriptografi yang sesuai bagi pelaksanaan dalam konteks Malaysia yang menyokong Dasar Kriptografi Negara (*National Cryptography Policy, NCP*). NCP yang merupakan dokumen panduan bagi Malaysia untuk mencapai kedaulatan dalam bidang kriptografi akan disokong oleh MySEAL dalam aspek kriptografi dan kriptanalisis..

Usaha ini bertujuan untuk menggalakkan kerjasama strategik, penyelidikan dan penghasilan sistem kriptografi oleh industri tempatan yang mana industri berkenaan dapat menyerahkan algoritma kriptografi mereka untuk diuji dan disahkan oleh pemeriksa sebelum algoritma tersebut dapat diakui sebagai algoritma kriptografi terpercaya di peringkat negara. Algoritma kriptografi yang akan disenaraikan dalam MySEAL perlu mematuhi kriteria seperti yang dinyatakan dalam dokumen ini. Kriteria tersebut telah dibangunkan berdasarkan standard antarabangsa yang telah diterima dan keperluan yang ditentukan oleh jawatankuasa Kumpulan Fokus MySEAL. Jawatankuasa ini diterajui oleh CyberSecurity Malaysia dan disokong oleh ahli yang terdiri daripada institusi di Malaysia.

Pusingan pertama projek MySEAL hanya menerima primitif *symmetric (block cipher dan stream cipher)* , *asymmetric* dan *cryptographic hash function* sahaja . Selepas dipertimbangkan selanjutnya oleh ahli Kumpulan Fokus MySEAL, dua lagi primitif kriptografi; primitif *cryptographic key generation* dan primitif *cryptographic pseudo random number generator* perlu dimasukkan kedalam projek MySEAL. Algoritma bagi setiap primitif akan diperoleh melalui dua cara; panggilan penyerahan algoritma baharu dan algoritma daripada standard yang sedia ada termasuk projek penyenaian algoritma kriptografi lain yang telah dipilih oleh jawatankuasa yang dilantik. Semua algoritma akan disemak terlebih dahulu dan kemudian dinilai dengan terperinci berdasarkan kriteria penilaian. Akhir sekali, algoritma yang terpilih akan diumumkan.

Inisiatif MySEAL bukanlah satu perkara yang kecil. Pelaksanaan MySEAL merupakan satu detik yang cukup penting bagi Malaysia dan selaras dengan pendokumenan Agenda IT Negara (NITA) pada tahun 1996 yang menyenaraikan e-Kedaulatan sebagai salah satu objektif Malaysia apabila memasuki era Teknologi Maklumat (IT). Inisiatif ini telah membuka jalan untuk Malaysia agar dapat menceburi arena asas keselamatan maklumat. Arena yang mencabar ini akan menjadi bukti kepada kegigihan dan

keupayaan Malaysia dalam melindungi prasarana maklumat negara pada peringkat algoritma kriptografi.

Di samping menyediakan cabaran dan aspirasi kepada ahli kriptografi, projek ini juga bertujuan untuk memupuk bakat baharu dan mengekalkan bakat yang sedia ada. Sehubungan itu, inisiatif MySEAL telah memberikan peluang keemasan kepada Malaysia untuk menyediakan platform kerjasama sesama entiti kerajaan, industri dan institusi pengajian tinggi bagi mempromosi dan menggalakkan peserta agar membangunkan algoritma kriptografi baharu serta pada masa yang sama melahirkan lebih ramai ahli kriptografi. Seterusnya, projek MySEAL akan membawa Malaysia lebih hampir untuk merealisasikan cabaran keenam Wawasan 2020, yakni *mewujudkan masyarakat saintifik dan progresif, masyarakat yang mempunyai daya perubahan tinggi dan berpandangan ke depan, yang bukan sahaja menjadi pengguna teknologitetapi juga penyumbang kepada tamadun sains dan teknologi masa depan.*

2.0 Keperluan MySEAL

Bahagian ini menerangkan tentang keperluan MySEAL; kategori primitif kriptografi yang dipertimbangkan dalam projek MySEAL, kelayakan peserta, kelayakan algoritma kriptografi yang akan diserahkan dan kriteria pemilihan umum projek yang diperlukan bagi semua primitif. Keselamatan, kecekapan dan kefleksibelan primitif kriptografi akan dibincangkan dengan lebih lanjut di bawah subbahagian kriteria pemilihan umum.

2.1 Kategori Primitif Kriptografi

MySEAL mengalu-alukan penyerahan primitif kriptografi yang kukuh dalam kategori yang dinyatakan di bawah:

- a) Primitif *Block Cipher*
- b) Primitif *Stream Cipher*
- c) Primitif *Asymmetric Cryptographic Primitive*
- d) Primitif *Cryptographic Hash Function*
- e) Primitif *Cryptographic Key Generation*
- f) Primitif *Cryptographic Pseudo Random Number Generator*

2.2 Kelayakan Peserta

Penyerahan dibuka kepada pencipta dan/atau pemilik algoritma.

2.3 Kelayakan Algoritma Kriptografi

Sebarang algoritma kriptografi yang tidak disenaraikan dalam mana-mana standard sedia ada dan projek penyenaian algoritma kriptografi yang lain.

2.4 Kriteria Pemilihan Umum

Kriteria pemilihan utama melibatkan keselamatan, kecekapan dan kefleksibelan.

1) Keselamatan

Penilaian ke atas tahap keselamatan kriptografi asas melalui kripanalisis adalah mandatori.

2) Kecekapan

Sesuai algoritma kriptografi hendaklah dapat dilaksanakan pada perkakasan dan/atau perisian dengan cekap.

3) Kefleksibelan

Sesuai algoritma kriptografi adalah sebaik-baiknya sesuai untuk digunakan dalam pelbagai persekitaran.

3.0 Kriteria Penyerahan bagi Setiap Primitif

Bahagian ini menyediakan maklumat tentang kriteria penyerahan bagi setiap primitif seperti yang dinyatakan dalam subbahagian yang berikut.

3.1 Primitif Block Cipher

Primitif *block cipher* dibahagikan kepada dua kategori; *block cipher* serba guna dan *lightweight block cipher*. Kriteria penyerahan adalah seperti berikut:

1) Block Cipher

- a. Panjang kekunci sekurang-kurangnya 128 bit.
- b. Panjang blok sekurang-kurangnya 128 bit.
- c. Laporan analisis keselamatan hendaklah mengandungi, tetapi tidak terhad kepada:
 - i. Ujian statistik NIST
 - ii. *Linear cryptanalysis*
 - iii. *Differential cryptanalysis*
- d. Laporan pelaksanaan dan prestasi:
 - i. Perisian yang disasarkan dan/atau
 - ii. Perkakasan yang disasarkan
- e. Pewajaran bagi prinsip reka bentuk algoritma. Lihat **Lampiran A** sebagai contoh.
- f. Vektor ujian
 - Bilangan kunci: - sekurang-kurangnya 3 untuk setiap saiz kunci
 - Bilangan pasangan *plaintext-ciphertext*: - 3 untuk setiap kunci
 - Sampel pemprosesan mestilah dalam *ECB mode* dengan *padding* bit '0'
 - Output pertengahan bagi setiap pusingan

2) Lightweight Block Cipher

- a. Panjang kekunci sekurang-kurangnya 80 bit.
- b. Panjang blok sekurang-kurangnya 64 bit.
- c. Laporan analisis keselamatan hendaklah mengandungi, tetapi tidak terhad kepada:
 - i. Ujian statistik NIST

- ii. *Linear cryptanalysis*
- iii. *Differential cryptanalysis*
- d. Laporan pelaksanaan dan prestasi:
 - i. Perisian yang disasarkan dan/atau
 - a) Saiz kod program
 - b) Saiz RAM
 - ii. Perkakasan yang disasarkan
 - a) Keluasan cip
 - b) Kitaran
 - c) Bit bagi setiap kitaran
 - d) Kuasa
 - e) Tenaga
- e. Pewajaran bagi prinsip reka bentuk algoritma. Lihat **Lampiran B** sebagai contoh.
- f. Vektor ujian
 - Bilangan kunci: - sekurang-kurangnya 3 untuk setiap saiz kunci
 - Bilangan pasangan *plaintext-ciphertext*: - 3 untuk setiap kunci
 - Sampel pemprosesan mestilah dalam *ECB mode* dengan *padding* bit '0'
 - Output pertengahan bagi setiap pusingan

3.2 Primitif Stream Cipher

Kriteria penyerahan adalah seperti berikut:

- a. Pengendalian: *Synchronous/self-synchronous stream cipher*
- b. Perkakasan
 - i. Panjang kekunci sekurang-kurangnya 80 bit.
 - ii. Ingatan dalaman sekurang-kurangnya 160 bit.
- c. Perisian
 - i. Panjang kekunci sekurang-kurangnya 128 bit.
 - ii. Ingatan dalaman sekurang-kurangnya 256 bit.
- d. Laporan analisis keselamatan hendaklah mengandungi, tetapi tidak terhad kepada:
 - i. Ujian statistik NIST
 - ii. *Algebraic attack*
 - iii. *Correlation attack*
 - iv. *Distinguishing attack*

- v. *Guess-and-Determine attack*
- e. Laporan pelaksanaan dan prestasi:
 - i. Perisian yang disasarkan dan/atau
 - ii. Perkakasan yang disasarkan
- f. Pewajaran bagi prinsip reka bentuk algoritma. Lihat **Lampiran C** sebagai contoh.
- g. Vektor ujian
 - Bilangan kunci: - sekurang-kurangnya 3 untuk setiap saiz kunci
 - Bilangan Initialization Vectors: - 3 untuk setiap kunci
 - Panjang *keystream*: - 256 bits
 - *Internal state* selepas menjana 256 bit *keystream*

3.3 Primitif Asymmetric Cryptographic

Kriteria penyerahan adalah seperti berikut:

- a. Skema:
 - i. Penyulitan (*Encryption*)
 - ii. Perjanjian kekunci (*Key agreement*)
 - iii. Tandatangan digital (*Digital signature*)
- b. Bukti ketepatan
- c. Analisis keselamatan hendaklah mengandungi, tetapi tidak terhad kepada:
 - i. Masalah dan andaian matematik yang sukar
 - ii. Panjang kekunci minimum yang diperlukan untuk mencapai tahap keselamatan¹ 2^{128}
 - iii. Model keselamatan berserta dengan bukti²
- d. Laporan pelaksanaan dan prestasi:
 - i. Perisian yang disasarkan, dan/atau
 - ii. Perkakasan yang disasarkan
- e. Pewajaran bagi prinsip reka bentuk algoritma.
- f. Vektor ujian
 - Bilangan pasangan kunci: - sekurang-kurangnya 3 pasangan kunci
 - Bilangan sampel pemrosesan untuk setiap pasangan kunci: - 2 sampel

¹ Tahap keselamatan merujuk kepada bilangan langkah bagi serangan yang paling diketahui terhadap primitif kriptografi

² Teknik yang diterima termasuklah teknik pengurangan, *peralihan serangan (game-hopping)* atau *kebolehgubahan universal (universal composability)*

3.4 Primitif Cryptographic Hash Function

Primitif *cryptographic hash function* dibahagikan kepada dua kategori; *cryptographic hash function* serba guna dan *lightweight cryptographic hash function*. Kriteria penyerahan adalah seperti berikut:

1) Cryptographic Hash Function

- a. Saiz cerna sebanyak 224 bit, 256 bit, 384 bit, 512 bit atau lebih besar
- b. Panjang mesej maksimum sebanyak $2^{64}-1$ bit
- c. Laporan analisis keselamatan hendaklah mengandungi, tetapi tidak terhad kepada:
 - i. *Pre-image resistance*
 - ii. *Second pre-image resistance*
 - iii. *Collision resistance*
- d. Laporan pelaksanaan dan prestasi:
 - i. Perisian yang disasarkan, dan/atau
 - ii. Perkakasan yang disasarkan
- e. Pewajaran bagi prinsip reka bentuk algoritma. Lihat **Lampiran D** sebagai contoh.
- f. Vektor ujian
 - Bilangan sampel untuk setiap saiz data: - 3 sampel
 - *Intermediate state* bagi setiap pusingan

2) Lightweight Cryptographic Hash Function

- a. Saiz cerna sebanyak 80 bit, 128 bit dan 160 bit.
- b. Panjang mesej maksimum sebanyak $2^{64}-1$ bit.
- c. Laporan analisis keselamatan hendaklah mengandungi, tetapi tidak terhad kepada:
 - i. *Pre-image resistance*
 - ii. *Second pre-image resistance*
 - iii. *Collision resistance*
- d. Laporan pelaksanaan dan prestasi:
 - i. Perisian yang disasarkan dan/atau
 - a) Saiz kod program
 - b) Saiz RAM

- ii. Perkakasan yang disasarkan
 - a) Keluasan cip
 - b) Kitaran
 - c) Bit bagi setiap kitaran
 - d) Kuasa
 - e) Tenaga
- e. Pewajaran bagi prinsip reka bentuk algoritma. Lihat **Lampiran E** sebagai contoh.
- f. Vektor ujian
 - Bilangan sampel untuk setiap saiz data: - 3 sampel
 - *Intermediate state* bagi setiap pusingan

3.5 Primitif *Cryptographic Key Generation*

Kriteria penyerahan adalah seperti berikut:

- a. Skop:
 - i. Penjana Nombor Perdana (*Prime Number Generator*)
- b. Laporan analisis hendaklah mengandungi, tetapi tidak terhad kepada:
 - i. *Probabilistic Prime Generators*
 - a) Bukti sekurang-kurangnya 75% tepat (setanding ujian *Miller Rabin Primality*)
 - b) *Primality test* menghasilkan output “input adalah nombor perdana”, “input adalah nombor komposit” atau “ujian tidak muktamad”
 - c) Berjalan dalam masa polinomial
 - d) Vektor ujian
 - Saiz nombor perdana: - 512, 1024, 2048, 3072, 4096, 7680, 15360 bit
 - Bilangan *seed* bagi setiap saiz nombor perdana: - 3 *seed* (128, 256, 512 bit)
 - ii. *Deterministic Prime Generators*
 - a) Bukti ketepatan
 - b) Berjalan dalam masa polinomial
 - iii. Dapat membezakan nombor *Carmichael* dari nombor perdana
 - iv. Dapat menghasilkan sampel *pseudo primes* dari penjana
 - v. Ujian statistik NIST

- c. Laporan pelaksanaan dan prestasi:
 - i. Perisian yang disasarkan, dan/atau
 - ii. Perkakasan yang disasarkan

3.6 Primitif *Cryptographic Pseudo Random Number Generator*

Kriteria penyerahan adalah seperti berikut:

- a. Skop:
 - i. Penjana Nombor Rawak Pseudo (*Pseudo Random Number Generator* (PRNG))
- b. Laporan analisis hendaklah mengandungi, tetapi tidak terhad kepada:
 - i. PRNG berdasarkan kepada metodologi *asymmetric*
 - a) Bukti ketepatan
 - b) Berjalan dalam masa polinomial
 - c) Jika *internal state* PRNG mengandungi n bit, tempoh mestilah sekurang-kurangnya 2^n .
 - d) Vektor ujian
 - Saiz *seed*: - 128, 256, 512 bit
 - e) Menggunakan parameter *asymmetric* yang kuat
 - *Integer Factorization Problem* (IFP):- 1024, 2048, 4096 bits
 - *Discrete Logarithm Problem* (DLP):- 1024, 2048, 4096 bit
 - ii. PRNG berdasarkan kepada metodologi *symmetric*
 - a) Berjalan dalam masa polinomial
 - b) Vektor ujian
 - Saiz *seed*: - 128, 256, 512 bit
 - c) Menggunakan parameter *symmetric* yang kuat
 - AES
 - TDES
 - iii. PRNG tidak berdasarkan kepada metodologi *asymmetric* atau *symmetric*
 - a) Pewajaran bagi prinsip reka bentuk algoritma.
 - b) Bukti ketepatan
 - c) Berjalan dalam masa polinomial
 - d) Vektor ujian
 - Saiz *seed*: - 128, 256, 512 bit

- iv. Ujian statistik NIST
- c. Laporan pelaksanaan dan prestasi:
 - i. Perisian yang disasarkan, dan/atau
 - ii. Perkakasan yang disasarkan

4.0 Kriteria Penilaian bagi Setiap Primitif

Bahagian ini menerangkan tentang kriteria penilaian bagi setiap primitif.

4.1 Primitif Block Cipher

Kriteria penilaian adalah seperti berikut:

- a. Keselamatan
 - i. Mencapai tahap keselamatan yang sebanding dengan saiz kekunci berdasarkan serangan kripanalisis. Sebagai contoh, tahap keselamatan 128-bit untuk kekunci 128-bit.
 - ii. Lulus dalam kesemua ujian statistik NIST berdasarkan sembilan kategori data. Lihat **Lampiran F**.
- b. Kos dan Prestasi
 - i. *Block Cipher*: Kecekapan pengkomputeran dan keperluan ingatan yang sebanding dengan AES.
 - ii. *Lightweight Block Cipher*: Ukuran pelaksanaan perkakasan dan/atau perisian yang sebanding dengan PRESENT.
- c. Ciri Pelaksanaan
 - i. Kefleksibelan algoritma boleh mengandungi, tetapi tidak terhad kepada:
 - a) Algoritma boleh menampung saiz kekunci tambahan dan blok tambahan.
 - b) Algoritma boleh dilaksanakan dengan selamat dan cekap dalam pelbagai platform dan aplikasi.
 - c) Algoritma boleh dikendalikan sebagai *stream cipher*, penjana kod pengesahan mesej (MAC), penjana nombor pseudorawak (PRNG) atau *hash function*.
 - ii. Kesesuaian perisian dan perkakasan
Sesuai algoritma dilihat sebagai mempunyai kelebihan tambahan jika dapat dilaksanakan dengan cekap dalam perisian dan juga perkakasan.
 - iii. Kesederhanaan reka bentuk
Sesuai reka bentuk dilihat sebagai mempunyai kelebihan jika kelihatan elegan, ringkas, kemas dan mudah difahami.
- d. Ketepatan pewajaran bagi prinsip reka bentuk algoritma.

4.2 Primitif Stream Cipher

Kriteria penilaian adalah seperti berikut:

- a. Keselamatan
 - i. Mencapai tahap keselamatan yang sebanding dengan saiz kekunci berdasarkan serangan kripanalisis. Sebagai contoh, tahap keselamatan 128-bit untuk kekunci 128-bit.
 - ii. Lulus semua ujian statistik NIST.
- b. Kos dan Prestasi
Kecekapan pengkomputeran dan keperluan ingatan yang sebanding dengan ChaCha20.
- c. Ciri Pelaksanaan
 - i. Kefleksibelan algoritma boleh mengandungi, tetapi tidak terhad kepada:
 - a) Algoritma boleh menampung saiz kekunci tambahan.
 - b) Algoritma boleh dilaksanakan dengan selamat dan cekap dalam pelbagai platform dan aplikasi.
 - c) Algoritma boleh dikendalikan sebagai penjana nombor pseudorawak (PRNG).
 - ii. Kesesuaian perisian dan perkakasan
Sesuai algoritma dilihat sebagai mempunyai kelebihan tambahan jika dapat dilaksanakan dengan cekap dalam perisian dan juga perkakasan.
 - iii. Kesederhanaan reka bentuk
Sesuai reka bentuk dilihat sebagai mempunyai kelebihan jika kelihatan elegan, ringkas, kemas dan mudah difahami.
- d. Ketepatan pewajaran bagi prinsip reka bentuk algoritma.

4.3 Primitif Asymmetric Cryptographic

Kriteria penilaian adalah seperti berikut:

- a. Keselamatan
 - i. Masalah dan andaian matematik yang sukar (*Hard mathematical problems and assumptions*), tetapi tidak terhad kepada:
 - a) Konvensional:
 1. Masalah Logaritma Diskrit dan variasi (*Discrete Logarithm Problem and variations*)

2. Masalah Pemfaktoran Integer dan variasi (*Integer Factorization Problem and variations*)
 - b) Pasca kuantum:
 1. Masalah berasaskan Kekisi (*Lattice based Problems*)
 2. Masalah berasaskan Kod (*Code based Problems*)
 - ii. Tahap keselamatan³ hendaklah sekurang-kurangnya 2^{128}
 - iii. Ketepatan model keselamatan berserta dengan bukti⁴
- b. Kos dan Prestasi
 - i. Saiz parameter bagi setiap tahap keselamatan:
 - a) Penyulitan (*Encryption*) – saiz kekunci, saiz teks sifer
 - b) Perjanjian kekunci (*Key agreement*) – saiz kekunci, bilangan penghantaran, lebar jalur
 - c) Tandatangan digital (*Digital signature*) – saiz kekunci, saiz tandatangan
 - ii. Kerumitan pengkomputeran
- c. Ketepatan pewajaran bagi prinsip reka bentuk algoritma.
- d. Bukti ketepatan yang sah.
- e. Analisis perbandingan dilihat sebagai satu kelebihan.

4.4 Primitif Cryptographic Hash Function

Kriteria penilaian adalah seperti berikut:

- a. Keselamatan

Mencapai tahap keselamatan yang sebanding dengan saiz cerna berdasarkan serangan kripanalisis. Sebagai contoh, tahap keselamatan 112-bit untuk saiz cerna 224-bit.
- b. Kos dan Prestasi
 - i. *Cryptographic Hash Function*:

Kecekapan pengkomputeran dan keperluan ingatan yang sebanding dengan SHA-3.
 - ii. *Lightweight Cryptographic Hash Function*:

Ukuran pelaksanaan perkakasan dan/atau perisian yang sebanding dengan SPONGENT.

³ Tahap keselamatan merujuk kepada bilangan langkah bagi serangan yang paling diketahui terhadap algoritma kriptografi

⁴ Teknik yang diterima termasuklah teknik pengurangan, *peralihan serangan (game-hopping)* atau *kebolehgubahan universal (universal composability)*

- c. Ciri Pelaksanaan
 - i. Kefleksibelan algoritma boleh mengandungi, tetapi tidak terhad kepada:
 - a) Algoritma boleh menampung saiz cerna tambahan.
 - b) Algoritma boleh dilaksanakan dengan selamat dan cekap dalam pelbagai platform dan aplikasi.
 - ii. Kesederhanaan reka bentuk
Sesuai reka bentuk dilihat sebagai mempunyai kelebihan jika kelihatan elegan, ringkas, kemas dan mudah difahami.
- d. Ketepatan pewajaran bagi prinsip reka bentuk algoritma.

4.5 Primitif *Cryptographic Key Generation*

Kriteria penilaian adalah seperti berikut:

- a. Keselamatan
 - i. *Safe pseudo random prime number generator*
 - ii. *Integer Factorization Problem (IFP) safe*
 - a) Nombor perdana yang kukuh
 - b) Pasangan nombor perdana yang kukuh
 - iii. *Discrete Logarithm Problem (DLP) safe*
 - c) Nombor perdana yang kukuh
 - iv. Lulus semua ujian statistik NIST.
- b. Kos dan Prestasi
 - i. Berjalan dalam masa polinomial
- c. Ciri Pelaksanaan
 - i. Kefleksibelan algoritma boleh mengandungi, tetapi tidak terhad kepada:
 - a) Algoritma boleh menampung saiz blok tambahan.
 - b) Dapat menjana nombor perdana dalam tempoh yang diberikan.
 - c) Algoritma boleh dilaksanakan dengan cekap dalam pelbagai platform dan aplikasi.
 - ii. Kesesuaian perisian dan perkakasan
Sesuai algoritma dilihat sebagai mempunyai kelebihan tambahan jika dapat dilaksanakan dengan cekap dalam perisian dan juga perkakasan.
 - iii. Kesederhanaan reka bentuk
Sesuai reka bentuk dilihat sebagai mempunyai kelebihan jika kelihatan elegan, ringkas, kemas dan mudah difahami.

- d. Ketepatan pewajaran bagi prinsip reka bentuk algoritma.
- e. Analisis perbandingan dengan penjana nombor perdana dilihat sebagai mempunyai kelebihan.

4.6 Primitif *Cryptographic Pseudo Random Number Generator*

Kriteria penilaian adalah seperti berikut:

- a. Keselamatan
 - i. *Safe pseudo random prime number generator*
 - ii. *Asymmetric based safe*
 - a) *Integer Factorization Problem (IFP)*
 - b) *Discrete Logarithm Problem (DLP) safe*
 - iii. *Symmetric based safe*
 - iv. Laporan analisis keselamatan berkenaan dengan *seed entropy*.
 - v. Lulus semua ujian statistik NIST.
- b. Kos dan Prestasi
 - i. Berjalan dalam masa polinomial
- c. Ciri Pelaksanaan
 - i. Kefleksibelan algoritma boleh mengandungi, tetapi tidak terhad kepada:
 - a) Algoritma boleh menampung saiz blok tambahan.
 - b) Algoritma boleh dilaksanakan dengan cekap dalam pelbagai platform dan aplikasi.
 - ii. Kesesuaian perisian dan perkakasan
Sesuai algoritma dilihat sebagai mempunyai kelebihan tambahan jika dapat dilaksanakan dengan cekap dalam perisian dan juga perkakasan.
 - iii. Kesederhanaan reka bentuk
Sesuai reka bentuk dilihat sebagai mempunyai kelebihan jika kelihatan elegan, ringkas, kemas dan mudah difahami.
- d. Ketepatan pewajaran bagi prinsip reka bentuk algoritma.
- f. Analisis perbandingan dengan penjana nombor perdana dilihat sebagai mempunyai kelebihan.

5.0 Keperluan Pelesenan

Bahagian ini membincangkan tentang keperluan pelesenan bagi algoritma yang diserahkan.

1. Sekiranya dipilih oleh MySEAL, algoritma yang diserahkan hendaklah bebas daripada royalti. Jika ini tidak dapat dilakukan, maka akses hendaklah dalam bentuk yang tidak berdiskriminasi (algoritma kriptografi tersebut hendaklah tidak dihadkan atau memihak kepada pengguna tertentu sahaja).
2. Penyerah hendaklah menyatakan kedudukan berhubung hak milik intelektual algoritma yang diserahkan. Pernyataan hak milik intelektual adalah seperti yang diterangkan dalam Bahagian 7.0 D. Pernyataan ini hendaklah dikemas kini apabila perlu.

6.0 Garis Masa Projek MySEAL

Untuk memudahkan pelaksanaan proses bagi keseluruhan projek ini, jadual waktu bagi projek MySEAL telah disediakan seperti di bawah.

Tahun	Aktiviti
2016	S4 : Panggilan penyerahan algoritma kriptografi
2017	S4 : Tarikh akhir penyerahan algoritma kriptografi bagi primitif <i>symmetric</i> , <i>asymmetric</i> , <i>cryptographic hash function</i> dan <i>cryptographic key generation</i> .
2018	S1 – S2 : Fasa pertama penilaian S2 : (a) Tarikh akhir penyerahan algoritma kriptografi bagi primitif <i>cryptographic pseudo random number generator</i> . (b) Pengumuman algoritma kriptografi yang telah disenarai pendek bagi fasa pertama S3 – S4 : Fasa kedua penilaian
2019	S1 : (a) Fasa kedua penilaian (b) Pengumuman algoritma kriptografi yang telah disenarai pendek bagi fasa kedua S2 – S4 : Fasa akhir penilaian S4 : Pengumuman akhir MySEAL
2020	Penerbitan dan promosi MySEAL

7.0 Keperluan Penyerahan Formal

Bahagian ini membincangkan tentang keperluan penyerahan formal bagi algoritma yang telah diserahkan.

1. Projek MySEAL akan mengendalikan semua algoritma kriptografi yang telah diserahkan termasuk sebarang maklumat, data dan dokumen berkaitan yang diterima secara sulit bagi tujuan seperti yang dinyatakan dalam dokumen ini.
2. Projek ini akan memastikan proses pemilihan dan pengendalian dijalankan secara sulit.
3. Mana-mana pakar luar yang dilantik bagi tujuan yang dinyatakan adalah berkewajipan untuk mengendalikan tugas mereka secara sulit.
4. Projek ini berhak untuk menolak algoritma kriptografi yang diserahkan yang tidak dinyatakan dengan jelas dan difahami dengan mudah atau gagal untuk memenuhi keperluan MySEAL dalam beberapa perkara.
5. Setelah algoritma kriptografi diserahkan, penyerah tidak akan dihubungi sehinggalah algoritma tersebut dipilih, melainkan: -
 - a. projek MySEAL memerlukan maklumat lanjut atau dokumen sokongan
 - b. penyerah telah membuat pertanyaan, aduan atau untuk menjelaskan perkara yang memerlukan maklumat tambahan

7.1 Pakej Penyerahan Algoritma

Perkara berikut perlu disediakan dengan sebarang penyerahan algoritma kriptografi:

A. Lembaran hadapan yang mengandungi maklumat berikut:

[Sila rujuk **Lampiran G**: Borang Penyerahan Algoritma]

1. Maklumat penyerahan sama ada individu atau organisasi
2. Nama penyerah utama, nombor telefon pejabat, nombor mudah alih, nombor faks, alamat e-mel dan alamat surat-menyurat
3. Nama penyerah tambahan (jika ada)
4. Nama pencipta/pembangun algoritma
5. Nama pemilik algoritma (jika berbeza daripada nama penyerah)
6. Tandatangan penyerah
7. Maklumat organisasi (untuk penyerahan organisasi sahaja)
8. Nama algoritma
9. Jenis algoritma yang diserahkan, tahap keselamatan yang dicadangkan dan

persekitaran yang dicadangkan.

B. Spesifikasi algoritma dan dokumentasi sokongan:

1. Huraian yang lengkap dan jelas bagi algoritma dalam bentuk yang paling sesuai, seperti huraian matematik, huraian teks berserta gambar rajah atau pseudokod. Spesifikasi algoritma menggunakan kod adalah tidak dibenarkan. Vektor ujian hendaklah dalam bentuk perenambelasan. Bagi algoritma tidak simetri, kaedah untuk penjanaan kekunci dan pemilihan parameter hendaklah dinyatakan.
2. Pernyataan bahawa tiada kelemahan tersembunyi telah dimasukkan oleh pereka bentuk. Lihat **Lampiran G(D.2)**.
3. Pernyataan berhubung dakwaan terhadap sifat keselamatan dan tahap keselamatan yang dijangkakan, bersama-sama dengan analisis terhadap algoritma berhubung serangan kriptanalitis standard. Kekunci lemah juga hendaklah dipertimbangkan.
4. Pernyataan yang menerangkan tentang kekuatan dan batas keupayaan algoritma.
5. Rasional reka bentuk yang menerangkan tentang pilihan reka bentuk.
6. Pernyataan berhubung anggaran kecekapan pengkomputeran dalam perisian. Anggaran diperlukan untuk subpengendalian yang berbeza seperti penyediaan kekunci, penyediaan primitif dan penyulitan/penyahsulitan (selagi mana bersesuaian). Kecekapan hendaklah dianggarkan dalam kiraan kitaran bagi setiap bait dan kitaran bagi setiap blok serta menunjukkan jenis pemproses dan ingatan. Sekiranya prestasi berbeza mengikut saiz input, maka nilai bagi sesetengah saiz yang biasa hendaklah disediakan. Sebagai pilihan, pereka bentuk boleh menyediakan anggaran bagi prestasi dalam perkakasan (keluasan, kelajuan, kiraan get, huraian dalam *Hardware Description Language* - HDL).
7. Huraian tentang teknik asas untuk pelaksana bagi mengelakkan kelemahan pelaksanaan.

C. Pelaksanaan dan nilai ujian:

1. Jumlah vektor ujian yang mencukupi bagi setiap parameter.
2. Pelaksanaan rujukan dalam bahasa pengaturcaraan C. MySEAL akan menentukan set API kriptografi yang dapat digunakan hanya untuk algoritma

simetri dan *hash function*, yang akan disediakan di <http://myseal.cybersecurity.my>. Semua penyerahan perlu melaksanakan API tersebut supaya sistem ujian akan serasi dengan semua penyerahan.

3. Sebagai pilihan, pelaksanaan yang dioptimumkan bagi sesetengah seni bina, pelaksanaan yang menggunakan JAVA atau bahasa himpunan.

D. Pernyataan Hak Milik Intelektual:

Penyataan yang menyatakan kedudukan berhubung Hak Milik Intelektual dan dasar royalti bagi algoritma (jika dipilih). Pernyataan ini hendaklah disertakan dengan perjanjian untuk memaklumkan perkembangan semasa kepada projek MySEAL sekiranya perlu. Lihat **Lampiran G(D.3)**.

7.2 Arahan untuk penyerahan

1. Semua penyerahan hendaklah dibuat sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.
2. Perkara A, B dan D hendaklah diserahkan dalam bentuk bercetak dan juga elektronik. Borang elektronik hendaklah dalam format baca sahaja.
3. Perkara C hendaklah diserahkan menggunakan borang elektronik dalam format baca sahaja.
4. Penyerahan perlu dibuat menggunakan dua cakera yang berasingan. Cakera yang pertama mengandungi perkara A dan D. Cakera yang kedua (dan cakera yang seterusnya) mengandungi perkara B dan C.
5. Setiap cakera perlu dilabelkan dengan nama penyerah, nama algoritma dan tarikh penyerahan. Setiap cakera perlu mengandungi fail teks berlabel "README" yang menyenaraikan semua fail yang terkandung dalam cakera berserta dengan huraian ringkas tentang kandungan setiap fail. Kedua-dua penyerahan bercetak dan cakera optik hendaklah dibuat menggunakan satu pakej tertutup dan dilabelkan seperti yang diterangkan dalam **Lampiran I**.
6. Penyerahan hendaklah tiba pada atau sebelum 17 November 2017 di alamat seperti berikut:

Sekretariat Kumpulan Fokus MySEAL
CyberSecurity Malaysia,
Level 7, Tower 1,
Menara Cyber Axis,
Jalan Impact,
63000 Cyberjaya,

Selangor Darul Ehsan,
Malaysia.

Perakuan akan dihantar melalui e-mel dalam tempoh 3 hari bekerja selepas penerimaan.

7. Sebarang pertanyaan umum boleh dimajukan ke myseal.fg@cybersecurity.my.
Jawapan bagi pertanyaan yang berkaitan akan dipaparkan di <http://myseal.cybersecurity.my>.

8.0 Maklumat Umum

Maklumat umum berkenaan projek MySEAL boleh didapati di <http://myseal.cybersecurity.my>.

LAMPIRAN A

Pewajaran bagi Prinsip Reka Bentuk Rijndael

Penyataan berikut diekstrak daripada dokumen yang bertajuk **AES Proposal : Rijndael** untuk menunjukkan contoh penyataan bagi prinsip reka bentuk. Dokumen lengkap boleh didapati di <http://csrc.nist.gov/archive/aes/rijndael/Rijndael-ammended.pdf>.

Design rationale

The three criteria taken into account in the design of Rijndael are the following:

- a. Resistance against all known attacks;
- b. Speed and code compactness on a wide range of platforms;
- c. Design simplicity.

In most ciphers, the round transformation has the Feistel Structure. In this structure typically part of the bits of the intermediate State are simply transposed unchanged to another position. The round transformation of Rijndael does not have the Feistel structure. Instead, the round transformation is composed of three distinct invertible uniform transformations, called layers. By “uniform”, we mean that every bit of the State is treated in a similar way.

The specific choices for the different layers are for a large part based on the application of the Wide Trail Strategy, a design method to provide resistance against linear and differential cryptanalysis. In the Wide Trail Strategy, every layer has its own function:

The linear mixing layer: guarantees high diffusion over multiple rounds.

The non-linear layer: parallel application of S-boxes that have optimum worst-case nonlinearity properties.

The key addition layer: A simple EXOR of the Round Key to the intermediate State.

Before the first round, a key addition layer is applied. The motivation for this initial key addition is the following. Any layer after the last key addition in the cipher (or before the first in the context of known-plaintext attacks) can be simply peeled off without knowledge of the key and therefore does not contribute to the security of the cipher. (e.g., the initial and final permutation in the DES). Initial or terminal key addition is applied in several designs, e.g., IDEA, SAFER and Blowfish.

In order to make the cipher and its inverse more similar in structure, the linear mixing layer of the last round is different from the mixing layer in the other rounds. It can be shown that this does not improve or reduce the security of the cipher in any way. This is similar to the absence of the swap operation in the last round of the DES.

Motivation for design choices

In the following subsections, we will motivate the choice of the specific transformations and constants. We believe that the cipher structure does not offer enough degrees of freedom to hide a trap door.

The reduction polynomial $m(x)$

The polynomial $m(x)$ ('11B') for the multiplication in $GF(2^8)$ is the first one of the list of irreducible polynomials of degree 8.

The ByteSub S-box

The design criteria for the S-box are inspired by differential and linear cryptanalysis on the one hand and attacks using algebraic manipulations, such as interpolation attacks, on the other:

1. Invertibility
2. Minimisation of the largest non-trivial correlation between linear combinations of input bits and linear combination of output bits
3. Minimisation of the largest non-trivial value in the EXOR table
4. Complexity of its algebraic expression in $GF(2^8)$
5. Simplicity of description

For invertible S-boxes operating on bytes, the maximum input/output correlation can be made as low as 2^{-3} and the maximum value in the EXOR table can be as low as 4 (corresponding to a difference propagation probability of 2^{-6}).

By definition, the selected mapping has a very simple algebraic expression. This enables algebraic manipulations that can be used to mount attacks such as interpolation attacks. Therefore, the mapping is modified by composing it with an additional invertible affine transformation. This affine transformation does not affect the properties with respect to the first three criteria, but if properly chosen, allows the S-box to satisfy the fourth criterion.

We have chosen an affine mapping that has a very simple description per se, but a complicated algebraic expression if combined with the 'inverse' mapping. It can be seen as modular polynomial multiplication followed by an addition:

$$b(x) = (x^7 + x^6 + x^2 + x) + a(x)(x^7 + x^6 + x^5 + x^4 + 1) \text{ mod } x^8 + 1$$

The modulus has been chosen as the simplest modulus possible. The multiplication polynomial has been chosen from the set of polynomials coprime to the modulus as the one with the simplest description. The constant has been chosen in such a way that that the S-box has no fixed points ($S - box(a) = a$) and no 'opposite fixed points' ($S - box(a) = \bar{a}$).

Note: other S-boxes can be found that satisfy the criteria above. In the case of suspicion of a trapdoor being built into the cipher, the current S-box might be replaced by another one. The cipher structure and number of rounds as defined even allow the use of an S-box that does not optimise the differential and linear cryptanalysis properties (criteria 2 and 3). Even an S-box that is "average" in this respect is likely to provide enough resistance against differential and linear cryptanalysis.

The MixColumn transformation

MixColumn has been chosen from the space of 4-byte to 4-byte linear transformations according to the following criteria:

1. Invertibility;
2. Linearity in $GF(2)$
3. Relevant diffusion power
4. Speed on 8-bit processors
5. Symmetry
6. Simplicity of description

Criteria 2, 5 and 6 have lead us to the choice to polynomial multiplication modulo $x^4 + 1$. Criteria 1, 3 and 4 impose conditions on the coefficients. Criterion 4 imposes that the coefficients have small values, in order of preference '00', '01', '02', '03'...The value '00' implies no processing at all, for '01' no multiplication needs to be executed, '02' can be implemented using x time and '03' can be implemented using x time and an additional EXOR.

The criterion 3 induces a more complicated conditions on the coefficients.

Branch number

In our design strategy, the following property of the linear transformation of MixColumn is essential. Let F be a linear transformation acting on byte vectors and let the byte weight of a vector be the number of nonzero bytes (not to be confused with the usual significance of Hamming weight, the number of nonzero bits). The byte weight of a vector is denoted by $W(a)$. The Branch Number of a linear transformation is a measure of its diffusion power:

Definition: The branch number of a linear transformation F is

$$\min_{a \neq 0} (W(a) + W(F(a))).$$

A non-zero byte is called an active byte. For MixColumn it can be seen that if a state is applied with a single active byte, the output can have at most 4 active bytes, as MixColumn acts on the columns independently. Hence, the upper bound for the branch number is 5. The coefficients have been chosen in such a way that the upper bound is reached. If the branch number is 5, a difference in 1 input (or output) byte propagates to all 4 output (or input) bytes, a 2-byte input (or output) difference to at least 3 output (or input) bytes. Moreover, a linear relation between input and output bits involves bits from at least 5 different bytes from input and output.

The ShiftRow offsets

The choice from all possible combinations has been made based on the following criteria:

1. The four offsets are different and $C0 = 0$
2. Resistance against attacks using truncated differentials
3. Resistance against the Square attack
4. Simplicity

For certain combinations, attacks using truncated differentials can tackle more rounds (typically only one) than for other combinations. For certain combinations the Square attack can tackle more rounds than others. From the combinations that are best with respect to criteria 2 and 3, the simplest ones have been chosen.

The key expansion

The key expansion specifies the derivation of the Round Keys in terms of the Cipher Key. Its function is to provide resistance against the following types of attack:

- Attacks in which part of the Cipher Key is known to the cryptanalyst
- Attacks where the Cipher Key is known or can be chosen, e.g., if the cipher is used as the compression function of a hash function
- Related-key attacks. A necessary condition for resistance against related-key attacks is that there should not be two different Cipher Keys that have a large set of Round Keys in common.

The key expansion also plays an important role in the elimination of symmetry:

- Symmetry in the round transformation: the round transformation treats all bytes of a state in very much the same way. This symmetry can be removed by having round constants in the key schedule;
- Symmetry between the rounds: the round transformation is the same for all rounds. This equality can be removed by having round-dependent round constants in the key schedule.

The key expansion has been chosen according to the following criteria:

- It shall use an invertible transformation, i.e., knowledge of any N_k consecutive words of the Expanded Key shall allow to regenerate the whole table;
- Speed on a wide range of processors;
- Usage of round constants to eliminate symmetries;
- Diffusion of Cipher Key differences into the Round Keys;
- Knowledge of a part of the Cipher Key or Round Key bits shall not allow to calculate many other Round Key bits.
- Enough non-linearity to prohibit the full determination of Round Key differences from Cipher Key differences only;
- Simplicity of description.

In order to be efficient on 8-bit processors, a light-weight, byte oriented expansion scheme has been adopted. The application of SubByte ensures the non-linearity of the scheme, without adding much space requirements on an 8-bit processor.

Number of rounds

We have determined the number of rounds by looking at the maximum number of rounds for which shortcut attacks have been found and added a considerable security margin. (A shortcut attack is an attack more efficient than exhaustive key search.)

For Rijndael with a block length and key length of 128 bits, no shortcut attacks have been found for reduced versions with more than 6 rounds. We added 4 rounds as a security margin. This is a conservative approach, because:

